

20/10/2001

RM81.8j biayai projek Rakan Muda

KERAJAAN memperuntukkan sebanyak RM81.8 juta bagi membiaya pelbagai kegiatan mengikut Program Rakan Muda dalam usaha menangani masalah membabitkan remaja.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah itu selaras usaha kerajaan meneruskan program Rakan Muda dengan pengisian baru, selain dijadikan agenda nasional.

Beliau berkata, seramai 3.5 juta belia terbabit dalam lebih 35,250 aktiviti pada peringkat nasional, negeri dan daerah dalam program Rakan Muda.

"Selain itu, Program Khidmat Sosial Negara yang bertujuan membina jati diri dan membentuk perilaku baik remaja akan diperluaskan penyertaannya kepada 20,000 remaja," katanya.

Perdana Menteri berkata, penyertaan itu membabitkan pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Sementara itu, Dr Mahathir turut mengucapkan tahniah kepada kontinjen Sukan Sea negara yang memperoleh 111 pingat emas, pencapaian terbaik sejak sukan berkenaan diadakan.

Beliau berkata, aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan akan diperluaskan termasuk mengadakan lebih banyak pertandingan pada peringkat akar umbi.

Katanya, latihan untuk atlit negara akan diteruskan secara lebih serius supaya prestasi negara dalam Sukan Asia dan Olimpik akan datang lebih cemerlang.

Dr Mahathir berkata, selain itu sukan baru seperti sukan lasak dan sukan bermotor akan terus diperkenalkan melalui pertandingan dan penganjuran sesi demo.

(END)